

## *Penggunaan Portal SLS Dalam PdP Interaksi Lisan*

**Hafidah Mahat**

hafidah\_mahat@schools.gov.sg

**Fatihah Johari**

fatihah\_johari@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Fengshan**

### *Abstrak*

Kepentingan komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada zaman ini amat penting. Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) telah mengambil langkah memperkenalkan portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) pada tahun 2018. SLS merupakan portal dalam talian bagi merangsang pembelajaran aktif secara sendiri dalam kalangan murid. Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana portal SLS dapat membantu pembelajaran murid dalam pembelajaran lisan berasaskan klip video. Murid juga diajarkan kaedah penggunaan CMN iaitu Contoh, Mengapa dan Nilai untuk memberikan respons secara lisan melalui portal SLS. Dapatan kajian menunjukkan murid dapat meraih markah yang lebih baik selepas menggunakan portal SLS dalam pembelajaran lisan berasaskan klip video.

Kata Kunci: SLS, interaksi lisan, kaedah contoh mengapa dan nilai, pembelajaran eksplisit

## Pengenalan

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2015, kemahiran bertutur merupakan satu komponen penting dalam pembelajaran yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Bagi format penilaian PSLE bermula 2016, komponen lisan telah menerapkan perbualan berdasarkan video. Dalam bahagian ini, murid dinilai menurut respons dan bahasa yang digunakan semasa berinteraksi dengan pemeriksa. Namun, murid di praaras kebolehan sering menghadapi masalah untuk menjawab soalan-soalan yang ditanyakan. Perkara ini berlaku kerana mereka tidak berupaya meluaskan idea utama mereka dengan apa yang mereka lihat di dalam klip video. Disebabkan rintangan tersebut, murid tidak berupaya memberikan jawapan yang kukuh dalam bahagian perbualan berdasarkan video.

Justeru, penggunaan pengalaman pembelajaran dalam portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) yang menekankan kemahiran pemikiran kritis dengan lebih mendalam, khususnya kemahiran meluaskan idea dalam memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh telah disarankan. Kajian ini dilakukan untuk melibatkan murid dalam proses pembelajaran secara aktif. Selain itu, teknik pengajaran melibatkan **Contoh**, **Mengapa** dan **Nilai** (CMN) juga diterapkan dalam kajian ini bagi membantu proses pemikiran murid secara kritis dan meningkatkan kebolehan murid dalam melakukan aktiviti pembelajaran secara sendiri mahupun kolaboratif.

## Pernyataan Masalah

Bahagian perbualan lisan merupakan salah satu komponen penting dalam pembelajaran bahasa. Setiap murid pada peringkat akhir pembelajaran mereka di sekolah rendah perlu menguasai kemahiran ini. Menurut pemerhatian pengkaji, murid Darjah 5 tidak berupaya untuk meluaskan idea mereka dalam perbualan dan memberikan contoh-contoh yang kukuh. Hal ini berlaku disebabkan perbualan murid terbatas hanya kepada apa yang mereka lihat di dalam video dan tidak berupaya mengembangkan idea utama tersebut.

Menurut Howard Gardner (1999), seseorang itu harus mempunyai



beberapa kemahiran dan salah satunya ialah kemahiran linguistik. Kecerdasan linguistik melibatkan kepekaan kepada kemahiran bahasa bertutur dan bertulis, keupayaan untuk belajar bahasa, dan kemampuan menggunakan bahasa untuk mencapai matlamat tertentu. Kecerdasan ini termasuk keupayaan untuk menggunakan bahasa secara berkesan untuk mengekspresikan diri secara retorik atau puisi; dan bahasa sebagai cara untuk mengingati maklumat.

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2011), menerusi buku *Bahasa Melayu II*, kemahiran lisan merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap individu. Dalam konteks kanak-kanak, kemahiran tersebut perlu dikuasai terlebih dahulu sebelum mereka menguasai kemahiran bahasa yang lain. Pada kebiasaannya, kanak-kanak yang dapat menguasai kemahiran lisan dengan baik dapat menguasai kemahiran bahasa yang lain dengan baik juga. Oleh yang demikian, untuk menguasai kemahiran lisan, murid perlu dilatih untuk menggunakannya secara kerap dan mengajarkannya secara terancang.

Dengan itu, satu kaedah pengajaran telah dijalankan untuk menggunakan teknik pemikiran CMN dalam pengajaran perbualan lisan berdasarkan video. Menerusi teknik ini, aktiviti belajar dapat ditingkatkan kerana murid melibatkan diri secara langsung dalam pembelajaran apabila pertanyaan diajukan kepada mereka. Antara kepentingan teknik pemikiran ini, murid dapat meningkatkan kemampuan berfikir mereka dan dapat memfokuskan jawapan mereka kepada soalan-soalan yang diajukan. Teknik pemikiran secara kritis ini dapat merangsang murid untuk terus berfikir dengan lebih aktif dan tidak mempunyai kesukaran untuk meluaskan jawapan mereka dalam bahagian perbualan berdasarkan video.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan teknik CMN dalam membina kemampuan murid untuk memperluas isi utama bagi kemahiran interaksi lisan;
2. menilai keberkesanan penggunaan portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) dalam pembelajaran lisan; dan



3. mewujudkan budaya berfikir dan bertutur secara kritis dalam kalangan murid.

## KAJIAN LEPAS

Mengikut kajian yang telah dilakukan oleh Ruggiero (2012), beliau telah menyifatkan bahawa seorang pemikir kritis ialah orang yang boleh bergerak melangkaui batas. Melalui kajian yang telah dilakukan terhadap murid berumur 6 hingga 14 tahun, beliau mendapati apabila murid didedahkan dengan pemikiran kritis, mereka menjadi lebih mahir dalam pemikiran mereka dengan menggunakan pelbagai teknik penyelidikan yang membolehkan mereka untuk mencari idea baharu dan memberikan idea yang lebih baik. Lebih khusus lagi, pemikir kritis amat cenderung melihat masalah dari banyak perspektif, untuk mempertimbangkan hasil jawapan mereka. Mereka juga dapat mencetus banyak idea sebelum memilih jawapan yang tepat. Di samping itu, mereka juga lebih bersedia untuk mengambil risiko intelektual, menjadi pengkritis, untuk mempertimbangkan idea-idea yang tidak biasa, dan menggunakan imaginasi mereka semasa menganalisis masalah dan isu.

Penyelidikan yang telah dilakukan oleh Robinson dan Garton (2008) pula menunjukkan bahawa apabila murid bekerja secara berpasukan mahupun secara perseorangan, pemecahan masalah dan pemikiran kritis merupakan kemahiran yang penting yang diperlukan pada abad ke-21 ini dan di dalam “dunia yang semakin kompleks” (Salama, 2004).

Menurut kajian Paul dan Elder (2013), pengkaji berpendapat bahawa guru menyokong pemikiran kritis dan mahu murid melakukannya. Guru juga menyatakan telah mengajar hal tersebut kepada murid. Perkara tersebut ialah pemikiran kritis. Namun, hasil kajian membuktikan bahawa murid hanya mampu belajar pemikiran kritis selepas mereka menerima latihan bagaimana untuk menggunakan kaedah itu dengan jelas dan digunakan secara sengaja untuk memupuk kemahiran berfikir secara kritis. Pendekatan ini juga disokong oleh Abrami, Bernard, Borokhovski, Wade, Surkes, Tamim, dan Zhang (2008). Menurut mereka, seorang guru harus mula dengan merumuskan hasil pembelajaran pemikiran kritis yang boleh dinilai dan membina pembelajaran yang memanfaatkan murid.



## KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan telah menggunakan teknik pemikiran kritis agar murid dapat menjawab soalan-solana lisan berdasarkan video dengan lebih baik. Strategi ini membantu murid mencungkil idea utama dan meluaskannya supaya murid dapat menjawab soalan-soalan yang bakal ditanyakan.

Bagi memastikan objektif kajian ini tercapai, rutin berfikir yang diselenggarakan oleh Ritchart R., Church M. dan Morrison K (2011) telah digunakan dan diubah suai sebagai instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya telah diubah suai kepada rutin berfikir CMN untuk menjana idea lebih mendalam.

Pengajaran eksplisit yang dikemukakan oleh Rosenshire (1985) juga telah diterapkan di dalam kajian supaya pengajaran yang dijalankan lebih berstruktur dan menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang betul. Pengajaran secara eksplisit ini terdiri daripada lima peringkat iaitu peringkat pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Bahasa Melayu Darjah 5 pada aras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 18 orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran berfikir murid dalam menjawab jenis soalan yang diajukan dalam bahagian lisan perbualan berdasarkan video.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada aplikasi *Dropbox* yang dimuat turun ke dalam portal SLS. Melalui aplikasi ini guru menerangkan penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya yang telah diubah suai kepada CMN mengikut keperluan pembelajaran. Aplikasi *Google Docs* dan templat Soalan Audio Respons juga terdapat dalam portal SLS.



Aplikasi-aplikasi ini dipilih kerana ia berperanan sebagai instrumen kajian yang membolehkan murid melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Penggunaan templat CMN dalam templat kolaborasi menggalakkan murid berfikir dengan lebih mendalam berdasarkan klip video yang dilampirkan. Aplikasi *Google Docs* yang disertakan dalam pengalaman pembelajaran kolaborasi pula menggalakkan murid bekerjasama secara aktif dengan lebih berkesan. Templat Soalan Audio Respons pula melatih murid dalam memberikan respons peribadi mereka dan secara langsung membuat penilaian sendiri terhadap hasil kerja yang telah dibuat.

## Prosedur Kajian

Kajian ini dilakukan selama 1 hari dan mengambil masa lebih kurang 1 ½ jam. Di bahagian induksi pengajaran ini, guru menggunakan klip video untuk menunjukkan isi secara lisan. Setelah berbincang dan mendapatkan respons daripada murid, guru menggunakan rutin berfikir CMN untuk menjawab soalan lisan. Guru berperanan sebagai contoh (*modelling*) kepada murid dan murid pula belajar cara menjawab soalan yang dikemukakan dengan menggunakan rutin berfikir yang telah dipelajari. Guru mengubahsuai templat tersebut untuk menggalak murid berfikir secara kritis sehingga mereka dapat menjawab soalan dengan lebih menyeluruh dan terperinci.

Semasa melaksanakan aktiviti kedua, murid membaca soalan lisan berdasarkan video yang telah dimuat turun oleh guru. Guru sebagai fasilitator memastikan murid memahami soalan yang dibaca dengan memberikan penerangan kepada soalan yang telah disediakan. Kemudian guru melakukan modeling sebagai langkah pengajaran secara eksplisit sebelum murid melakukan aktiviti berkolaborasi menggunakan aplikasi *Google Docs*. Berdasarkan pengajaran eksplisit tersebut, murid berbincang secara berkumpulan menggunakan langkah rutin berfikir CMN untuk menjawab soalan lisan tersebut. Ini dapat dilihat di Jadual 1 iaitu kerja kumpulan 1 hingga 3. Murid mencatatkan hasil perbincangan. Kemudian, murid meneliti catatan hasil kumpulan lain. Guru memudah cara perbincangan bersama murid untuk menilai hasil kerja setiap kumpulan dan murid memberikan penilaian kepada setiap hasil kerja kumpulan dengan berpandukan rubrik penilaian yang diberikan.



Seterusnya, murid secara individu memberikan respons secara lisan terhadap satu soalan Audio Respons yang disediakan dalam portal SLS berdasarkan video yang ditonton sebelumnya. Murid harus merakamkan jawapan yang mereka catat itu ke dalam templat soalan tersebut. Kemudian, murid mendengar kembali rakaman yang direkod lebih awal. Murid diberikan masa untuk memperbaiki jawapan atau respons mereka sehingga lengkap menggunakan langkah rutin berfikir yang telah dipelajari tadi. Guru sebagai fasilitator, meneliti respons murid dan memberi maklum balas bagi menjelaskan salah faham sekiranya ada. Guru juga melakukan rumusan berdasarkan respons yang diberikan oleh murid.

Di bahagian penutup pelajaran, murid mengimbas kembali pelajaran dan melakukan refleksi tentang pemahaman mereka dan perkara yang telah mereka pelajari daripada video dan soalan yang ditanyakan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Setelah melaksanakan kajian ini, pengkaji meneliti dapatan kajian berkenaan penggunaan pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam portal SLS bagi pengajaran lisan berdasarkan video dengan menggunakan teknik berfikir CMN. Secara keseluruhan, dapatan melalui penilaian formatif seperti rubrik dan borang tinjauan menunjukkan murid dapat menjawab soalan lisan dengan terperinci dan menyeluruh.

**Jadual 1: Soalan-soalan Rutin Berfikir**

Rutin Berfikir : Digunakan untuk setiap tahap soalan yang diberikan	Soalan: Pada pendapat kamu, mengapakah kita harus menjaga harta benda sekolah?  Jawapan: Pada pendapat saya, kita perlu menjaga kerana harta benda sekolah adalah hak milik semua.
Contoh	Contoh-contohnya adalah ...
Mengapa	Dengan berbuat sedemikian, kita ...
Nilai	Kita harus bersikap bertanggungjawab kerana ...



## Rajah 1: Klip Video ( Digunakan secara *Flipped*)



## Rajah 2: Respons Kumpulan 1 Berdasarkan Video Menggunakan Portal *Google Slides*

### Kumpulan 1

Pada pendapat saya, kita perlu menjaga harta benda sekolah kerana ia merupakan hak milik semua. **Contoh-contohnya adalah** kita tidak harus mengotorkan tandas sekolah dan kita juga tidak boleh mengotorkan meja kantin dan meja kelas. Kita juga tidak boleh membazir air dengan membiarkan paip air di singki ataupun bermain dengan pam air di jamban tandas. Di kantin, kita harus membersihkan meja kantin apabila kita sudah habis makan.

Dengan berbuat sedemikian murid-murid lain akan dapat menggunakannya. **Contoh-contohnya seperti** mengepam apabila kita habis menggunakan jamban. Ini supaya tandas kita akan menjadi lebih bersih.

Kita harus bersikap bertanggungjawab kerana harta sekolah bukan hak milik kita. ~~Murid-murid lain dapat menggunakan tandas dengan selesa~~

## Rajah 3: Respons Kumpulan 2 Berdasarkan Video Menggunakan Portal *Google Slides*

### Kumpulan 2


Pada pendapat saya, kita perlu menjaga kerana harta benda sekolah adalah hak milik semua. **Contoh-contohnya adalah** kita tidak harus mencontengkan meja dan kerusi di dalam kelas, kalau kita di dalam tandas, kita tidak harus membazir air dan meletakkan tisu di dalam mangkuk tandas. Apabila kita meminjam buku perpustakaan, kita tidak harus mengotorkan buku itu atau mengoyakkan halaman-halaman buku itu. Kalau kita membuat perkara tersebut, murid-murid yang hendak meminjam buku itu tidak akan mendapat membaca halaman -halaman tersebut.

Dengan berbuat sedemikian, kita telah bertanggungjawab dan bertimbang rasaterhadap harta benda sekolah kerana murid-murid yang lain mahu menggunakannya.






## Rajah 4: Respons Kumpulan 3 Berdasarkan Video Menggunakan Portal Google Slides



**Kumpulan 3**

Pada pendapat saya, kita perlu menjaga harta benda sekolah kerana ia hak milik semua. **Contoh-contohnya adalah**, kita tidak boleh **menconcing** meja kawan, jangan mengempam tandas banyak kali kerana itu membazir air. Kedua, jangan menghabiskan tisu kerana ada orang lain yang juga mahu menggunakannya. Kita juga tidak boleh mengotorkan tandas. Selepas makan kita harus **membersihkan** meja. Memastikan yang buku perpustakaan dengan keadaan yang bersih. **Dengan berbuat sedemikian supaya** murid-murid boleh belajar dengan selesa. **Kita harus bersikap bertanggungjawab kerana** ini bukan hak milik kita. Ada juga murid-murid yang mahu menggunakan tandas.

## Rajah 5: Contoh Hasil Jawapan Murid Menggunakan Portal Audio-Response



Pada pendapat kamu, **mengapakah** kita harus menjaga harta benda sekolah?

Student Response

00:00 00:59

**SUGGESTED ANSWER**

Pada pendapat saya, kita perlu menjaga harta benda sekolah kerana harta benda awam bukan hak milik kita. **Contoh-contohnya**, kita boleh menjaga tandas dengan memastikan kita siram selepas memakainya. Kita juga harus menjaga dan bertanggungjawab terhadap buku-buku yang kita pinjam di perpustakaan sekolah itu. **Dengan berbuat demikian**, kita akan dapat memasuki tandas yang lebih bersih. Buku-buku yang dipinjamkan juga akan berada di dalam perpustakaan itu dengan yang baik. Ramai orang yang dapat membacanya tapi perlu melaporkan kepada pustakawan yang ada buku yang kehilangan halaman. Kita harus menunjukkan sikap **bertanggungjawab kerana harta benda itu bukan harta benda awam merupakan kegunaan bersama**.


Comment on: 16 Nov 2019 7 : 39 AM

Syabas Arysh! Awak telah berjaya meluaskan isi perbualan awak. Mungkin, awak boleh bertutur dengan lebih konfiden dan jangan terlalu kalam kabut menjawab soalan. 9/10

Dengan menggunakan *Audio Respons*, murid merakamkan suara mereka. Setelah itu, mereka mendengar kembali rakaman suara mereka. Guru juga boleh menyemak rakaman dan memberikan maklum balas. Alat ini telah menggalakkan pembelajaran sendiri secara aktif dalam kalangan murid. Murid teruja untuk memberi maklum balas tentang rakaman audio rakan mereka.

Dapatan kajian ini diperoleh daripada data kualitatif menerusi ujian peperiksaan lisan yang dijalankan pada Semester 1 dan 2. Berdasarkan analisis pencapaian murid bagi komponen lisan dalam Rajah 6, didapati murid berjaya mencapai peningkatan dalam bahagian perbualan berdasarkan video.

**Rajah 6: Analisis Data Perbandingan Pemarkahan Komponen Perbualan Berdasarkan Video SA1 Dan SA2**



Dapatan yang positif dilihat daripada maklum balas murid. Semua murid Darjah 5 pada aras kebolehan memberikan respons sangat boleh dan boleh bahawa mereka dapat mencungkil idea utama dalam video dan soalan lisan dengan baik. Sebanyak 83.3% murid menyatakan mereka dapat belajar secara berkolaborasi dengan menggunakan teknik pemikiran CMN. Bahkan, 94.4 % murid memberikan respons bahawa mereka juga dapat menggunakan portal SLS dengan baik. Perincian maklum balas murid dapat di lihat dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Murid**

	Sangat Boleh %	Boleh %	Hampir Boleh %	Masih Mencuba %
Saya boleh ...				
1. mencungkil idea utama dalam video dan soalan lisan	88.8 (16)	11.2 (2)	0	0
2. menggunakan teknik pemikiran (Contoh Mengapa Nilai) untuk berkolaborasi dengan anggota kumpulan	83.3 (15)	16.7 (3)	0	0



3. menggunakan teknik pemikiran (Contoh Mengapa Nilai) untuk menyelesaikan aktiviti sendiri	83.3 (15)	16.7 (3)	0	0
4. menggunakan aplikasi SLS dengan baik	94.4 (17)	5.6 (1)	0	0

Nota : Angka dalam kurungan ialah jumlah murid.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, murid berjaya menggunakan teknik CMN untuk mengembangkan idea mereka dalam interaksi lisan. Murid dapat bertutur dengan fasih dalam perbualan mereka. Portal SLS juga membantu merakam respons murid. Murid juga dapat menerima maklum balas serta merta daripada guru. Kajian ini juga menunjukkan bahawa murid dapat mengembangkan isi-isi utama dengan penggunaan teknik CMN. Penggunaan rutin ini membantu murid untuk menyatakan contoh, sebab mereka berpendapat sedemikian serta menyelitkan nilai yang bersesuaian dengan situasi yang diketengahkan. Melalui maklum balas yang diberikan, murid didapati gemar menggunakan portal SLS sebagai salah satu portal berkesan bagi pembelajaran lisan. Murid juga berasa amat teruja apabila diberi peluang untuk merakam suara dan mendengar bagaimana mereka bertutur. Murid dibenarkan merakam suara mereka semula jika mereka tidak berpuas hati dengan hasil kerja mereka.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan portal SLS menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif (kerja kumpulan) dalam kalangan murid. Penggunaan *tool audio response* dalam portal SLS telah membina keyakinan murid semasa bertutur. Murid yang jarang bertutur juga didapati berbual dengan baik menggunakan fungsi *audio response*. Dengan ini, portal SLS membantu dan berjaya menarik minat murid untuk belajar. Dengan pembelajaran yang menggunakan teknologi, murid terpandu untuk lebih fokus dalam pembelajaran. Tambahan lagi, penggunaan portal SLS menggalakkan ruang komunikasi antara murid dan guru menjadi lebih terkawal. Pemantauan dalam talian, sebagai contoh, telah membolehkan guru mengukur kemajuan murid. Di samping itu, guru boleh menyesuaikan



pelajaran mereka untuk menangani jurang pembelajaran. Kesimpulannya, guru telah dapat menggunakan portal SLS dan strategi CMN untuk meningkatkan pembelajaran dan memperluaskan idea murid menjadi lebih teratur dan terarah.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Hazliana Mahat
2. Raba'ah Ismail
3. Siti Khadijah Ahmad

## RUJUKAN

Robert J. Marzano dan Debra J. Pickering, (2005). *Building academic vocabulary: Teachers manual*. USA: ASCD.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan Pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

McKeown, M. G., dan Beck, I.L., (2004). Direct and rich vocabulary instruction dalam Practice hlm 13-27. New York: Guilford Press.

Harlow, H. F. (1983). Fundamentals for preparing psychology journal articles. *Journal of Comparative and Physiological Psychology*, 55, 893-896.

Smith, Mark K., dari Infed (2001). David a. Kolb on Experiential Learning. Dipetik pada 25 September 2012 dari <http://www.infed.org/biblio/b-explrn.htm>

